

15 PEKAYUH BAKAL JAYAKAN JELAJAH RENTASI TIGA BAHAGIAN

07 February 2016

- The Borneo Post Online

KUCHING: Seramai 15 pekayuh mewakili beberapa kelab berbasikal di Bahagian Kuching terlibat dalam menjayakan Siri Jelajah Berbasikal Antara Bahagian (Sibu-Miri) 2016 yang akan diadakan pada 20 hingga 21 Februari ini.

Pengurus Projek Zamuri Bibi memberitahu program tersebut melibatkan ahli dari empat kelab berbasikal iaitu Sonamu Cycling Team, SAXON Cycling Team, PRESTANDA Cycling Team dan UNIMAS Cycling Team.

Menurut Zamuri, program sejauh 405 kilometer itu merentasi tiga bahagian negeri bermula dari Sibu.

Peserta akan bermalam di Bintulu sebelum meneruskan perjalanan ke Miri selepas itu.

“Objektif program bertujuan mewujudkan gaya hidup sihat di kalangan peserta selain menjadikan aktiviti berbasikal sebagai pendekatan terbaik dalam mengeratkan hubungan silaturrahim antara semua pihak,” jelas Zamuri.

Terdahulu beliau merakam jutaan terima kasih kepada Ahli Parlimen Petra Jaya Datuk Seri Fadillah Yusof, Ahli Parlimen Santubong, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, PowerBar Malaysia dan United Daily News atas sokongan bagi menjayakan program tersebut.